



Siaran Akhbar

ROADMAP PEMBAYARAN DIGITAL BAGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 2019–2025

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah menerbitkan “*Digital Payment Roadmap for Brunei Darussalam 2019-2025*” yang merupakan salah satu inisiatif strategik ke arah transformasi industri pembayaran negara kepada pembayaran secara digital. *Roadmap* yang menetapkan strategi ke arah “*Digital Payment Nation*” adalah selaras dengan strategi di bawah *Financial Sector Blueprint 2016-2025* (FSBP) serta visi Wawasan Brunei 2035 dalam usaha untuk mempelbagaikan ekonomi secara dinamik.
2. Transformasi digital ini akan mengambil kira tiga objektif utama iaitu keseimbangan dalam peraturan dan inovasi; penggunaan “*Open Digital Payment*”; serta kesedaran dan pendidikan orang ramai.
3. Sasaran utama, iaitu keseimbangan dalam peraturan dan inovasi, memerlukan perkembangan dalam peraturan pembayaran yang sedia ada bagi mengekalkan kestabilan dalam sektor kewangan, mempromosikan kerjasama antara pihak-pihak yang berkenaan dan membolehkan institusi-institusi kewangan serta pembekal-pembekal sistem pembayaran untuk mencipta penyelesaian kewangan yang inovatif di negara ini.
4. Objektif kedua pula adalah bagi mempercepatkan penerimaan penggunaan solusi pembayaran secara digital yang mempromosikan *interoperability* pasaran dan menggalakkan persaingan secara kompetitif. Teknologi baru yang inovatif boleh mengurangkan halangan kepada penerimaan penggunaan dan memperkenalkan mekanisme pembayaran yang selamat dan kos efektif bagi penerimaan di kalangan para peniaga.
5. Ketiga, usaha bersama di antara AMBD dan pihak-pihak berkenaan untuk meningkatkan kesedaran dan pendidikan orang ramai mengenai pembayaran secara digital agar dapat membina kepercayaan dan keyakinan terhadap penggunaannya.
6. AMBD menjangkakan peningkatan kerjasama yang bersepadu dengan pihak-pihak yang berkepentingan dalam membangunkan platform pembayaran digital yang selamat, cekap dan berdaya tahan. Ini akan mengembangkan teknologi kewangan di negara ini serta membolehkan produk dan perkhidmatan kewangan yang baru untuk diperkenalkan.
7. Sejak penubuhan AMBD pada tahun 2011, beberapa pembangunan infrastruktur pasaran kewangan domestik telah dicapai, termasuk sistem *Real Time Gross Settlement* (RTGS) pada tahun 2014; sistem *Automated Clearing House* (ACH) pada tahun 2016; dan sistem *Central Securities Depository* (CSD) pada tahun 2017. Penggunaan *Direct Credit Transfer* dalam sistem ACH yang telah beroperasi mulai Februari 2017 telah menyumbang kepada pengurangan penggunaan cek fizikal sebanyak 18% pada tahun ini, dibandingkan dengan tahun 2016. Nilai cek yang diproses pada tahun 2018 berbanding dengan tahun sebelumnya juga dijangka menurun sebanyak 27%.
8. Di era Revolusi Industri ke-empat ini, tahap celik teknologi kian meningkat dan penggunaan teknologi telah menjadi norma di kalangan masyarakat. Penerbitan *Roadmap* ini diharap akan dapat menjadi panduan bagi semua pihak berkepentingan dalam industri pembayaran untuk

menghadapi cabaran dalam memperkenalkan ekonomi digital di Negara Brunei Darussalam dan memenuhi keperluan generasi akan datang.

9. AMBD akan mengukuhkan pengurusan risiko teknologi dan keselamatan siber secara berterusan dengan memberi panduan peraturan kepada institusi-institusi kewangan industri dan juga menjalankan pemeriksaan *on-site* dan *off-site* bagi memantau dan mengawalselia pengurusan teknologi dan keselamatan siber dalam institusi-institusi kewangan. AMBD juga telah melancarkan *FinTech Regulatory Sandbox*, di bawah Pejabat FinTech, untuk membolehkan syarikat atau perniagaan yang berkeelayakan menguji produk atau *solution* mereka dengan cara yang selamat dan cekap sambil menerima sokongan dari segi pengawalseliaan dari AMBD.
10. Maklumat lanjut mengenai *Digital Payment Roadmap for Brunei Darussalam 2019-2025* boleh didapati di laman sesawang AMBD di www.ambd.gov.bn.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Ref: AMBD/COMMS/3

Ruj: 12 Rabiulakhir 1440H / 21 Disember 2018M